



KOS SARA HIDUP MENANTI SINAR DALAM KABUT

Peningkatan kos sara hidup yang berpunca daripada inflasi dan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan boleh menyebabkan kemerosotan taraf hidup masyarakat. Peningkatan kos sara hidup berlaku apabila pendapatan penduduk lebih rendah berbanding dengan perbelanjaan.

Kenaikan kos sara hidup berkaitan rapat dengan kemelesetan ekonomi. Sekiranya tidak ditangani dengan berkesan, natijahnya boleh menyebabkan huru-hara dan kekacauan dalam sesebuah negara.

Krisis di Sri Lanka misalnya, rakyat berdemonstrasi mengkritik kelemahan kerajaan dalam menangani krisis ekonomi. Nilai mata wang negara tersebut merudum selepas kejatuhan sumber ekonominya selain dibebani dengan jumlah hutang yang tinggi. Akibatnya lebih daripada 22 juta rakyat di negara tersebut bergelut dengan isu kenaikan harga barang hatta tidak mampu mendapatkan makanan, bahan api, ubat-ubatan, bahan api dan pelbagai keperluan lain.

Di samping itu, perang Rusia-Ukraine menyebabkan gangguan pasaran bahan mentah dan peningkatan kos operasi yang mendorong kepada inflasi global. Konflik ini juga menyebabkan krisis kemanusiaan apabila

jutaan penduduk hilang tempat tinggal dan pekerjaan selain terkesan dengan kenaikan harga barang. Konflik antara kedua-dua negara tersebut telah menyebabkan krisis kekurangan bekalan makanan yang menjejaskan sekurang-kurangnya 1.6 bilion orang penduduk di 94 buah negara.

Manakala di negara bergolok Sudan, protes terhadap kerajaan yang gagal menangani masalah inflasi dan kos sara hidup telah berlaku saban tahun disulami krisis rampasan kuasa dan perang saudara tanpa kesudahan.

Malaysia juga tidak terlepas daripada belenggu peningkatan kos sara hidup. Kegawatan ekonomi tahun 1998 berikutan krisis kewangan Asia telah meningkatkan kadar pengangguran kepada 3.1 peratus pada tahun berkenaan. Selain itu, lebih 80 ribu orang telah hilang pekerjaan menjadikan kadar pengangguran meningkat berlipat kali ganda berbanding dengan tahun sebelumnya.

Sementara itu, pandemik COVID-19 yang menular pada penghujung tahun 2019 telah menyebabkan krisis ekonomi bertambah buruk. Ekonomi negara dan kantong rakyat terjejas dengan amat teruk kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan pasaran. PKP dan penutupan banyak sektor ekonomi menjejaskan perniagaan dan menyebabkan



Hidup bagi memberikan fokus kepada isu kos sara hidup.

Iltizam Perdana Menteri itu kemudiannya disambut oleh Jemaah Menteri menerusi cetusan idea Payung Rahmah yang terdiri daripada pelbagai inisiatif seperti Menu Rahmah, Jualan Rahmah, Bakul Rahmah, dan Bazar Ramadan Rahmah. Kerajaan juga melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menambah pendapatan rakyat menerusi inisiatif pertanian, perniagaan makanan dan operator perkhidmatan. Persaingan dalam perniagaan dijangka berupaya meredakan kenaikan harga barang makanan siap seterusnya membantu kerajaan mengekang inflasi.

Pada musim perayaan baru-baru ini, kerajaan menguatkuasakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) di samping pelbagai inisiatif lain seperti pengecualian bayaran tol selama empat hari di 33 plaza tol lebuh raya dan Bantuan Khas Kewangan kepada penjawat awam dan pesara kerajaan sempena Aidilfitri. Menerusi Kementerian Komunikasi Digital, Pakej Perpaduan Prabayar Internet Mudah Alih bernilai RM30 telah diperkenalkan bagi meningkatkan capaian Internet dengan harga lebih murah.

Bagi bantuan sosial pula, kerajaan meneruskan inisiatif pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) kepada 8.7 juta orang golongan B40 bernilai RM1.67 bilion yang telah disalurkan secara berperingkat sejak Januari 2023.

Penganalisis ekonomi melihat usaha kerajaan ini telah memberikan kesan penampakan kepada kadar inflasi apabila Indeks Harga Pengguna (IHP) pada Februari 2023 kekal sederhana pada 3.7 peratus sepertimana Januari 2023, berbanding dengan 4.7 peratus pada Ogos 2022.

Berdasarkan informasi daripada WorldData, info, Malaysia berada di kedudukan ke-70 daripada 105 buah negara dalam perbandingan kos sara hidup. Bermuda merupakan negara dengan kos sara hidup paling tinggi di dunia diikuti oleh Switzerland. Manakala penduduk di Uzbekistan, Tajikistan dan Kyrgyztan menikmati kos sara hidup yang rendah. Data Bank Dunia tahun 2023 yang dipetik daripada laman sesawang *World Population Review*

ramai orang kehilangan pekerjaan. Manakala proses pemulihan ekonomi negara pascapandemik COVID-19 memperlihatkan berlakunya inflasi dan peningkatan kos sara hidup.

Kebimbangan terhadap isu ini masih tidak reda biarpun negara sedang beralih ke fasa endemik. Hal ini berlaku kerana kenaikan harga barang dijangka kekal tinggi untuk suatu tempoh masa berikutan beberapa faktor pendorong seperti kenaikan kos, terutamanya barangan import. Oleh sebab itu, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah memberikan tumpuan terhadap usaha untuk menangani isu kos sara hidup menerusi Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) sedari awal pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri.

Antara inisiatif yang dicadangkan NACCOL, termasuklah pemberian subsidi bersasar, mempergiatkan program pembangunan pemasaran dengan menyasarkan jualan terus dari ladang, jualan khas Ramadan dan Syawal MADANI di seluruh negara. Tekad kerajaan pimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk menangani isu kos sara hidup terserlah apabila Kementerian yang berkaitan dijenamakan sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara



Program Payung Rahmah merupakan inisiatif kerajaan bagi membantu golongan berpendapatan rendah.



menunjukkan pendapatan penduduk negara ini masih dalam kategori rendah dengan median A.S.\$7512, iaitu di kedudukan ke-38 daripada 162 buah negara berbanding dengan pendapatan median rakyat Luxembourg sebanyak A.S.\$26 321, Jepun (A.S.\$14 255) dan Korea Selatan (A.S.\$12 507).

Turut terkesan dengan isu kenaikan kos sara hidup di negara ini termasuklah penjawat awam. Meskipun golongan ini tidak terputus punca pendapatan semasa kegawatan ekonomi, namun jumlah pendapatan yang diperoleh tidak seimbang dengan kos sara hidup yang ditanggung. Kehidupan di kawasan bandar dan pinggir bandar yang serba-serbi memerlukan wang, ditambah pula dengan peningkatan inflasi yang meruncing memburukkan lagi taraf hidup penjawat awam, terutamanya kumpulan pelaksana yang rata-ratanya berada di bawah kategori B40.

Gaji pokok seorang Pembantu Operasi yang baru dilantik misalnya hanya RM1216 sebulan dengan kenaikan tahunan sebanyak RM80. Dengan kadar gaji tersebut, sudah tentu mereka bergelut untuk menghadapi kos sara hidup yang tinggi. Sedangkan, hidup di bandar-bandar utama di negara ini memerlukan pendapatan sekurang-kurangnya RM4000 sebulan.

Situasi ini bertambah parah apabila kadar inflasi dijangka kekal tinggi antara 2.8 hingga 3.8 peratus pada tahun ini seperti yang dimaklumkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF). Meskipun begitu, kadar pendapatan penjawat awam tidak banyak

berubah. Kali terakhir sistem saaraan perkhidmatan awam ditambahbaikkkan ialah pada tahun 2002. Kadar semasa gaji penjawat awam yang majoritinya daripada kumpulan M40 dan B40 tidak lagi relevan dengan peningkatan kos sara hidup terutamanya apabila membabitkan keperluan asas makanan, kesihatan dan perumahan.

Memang benar pelbagai kemudahan disediakan kepada penjawat awam termasuklah kemudahan kuarters perumahan. Namun begitu, penyediaan kuarters tersebut tidak menyeluruh di semua lokaliti. Kuarters di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH, JPM) misalnya hanya berada di Johor, Putrajaya, Labuan, Kuala Lumpur dan KLIA mencatatkan senarai menunggu mencecah 23 ribu orang pemohon.

Selbihnya mereka perlu menyewa atau terpaksa membeli rumah yang agak jauh dari tempat kerja. Manakala elaun perumahan yang disediakan untuk pegawai lantikan baharu dan kumpulan sokongan ialah sebanyak RM300 sebulan dan keadaan ini memberikan tekanan kepada penjawat awam untuk membayar sewa atau pinjaman perumahan.

Situasi yang lebih memilukan termasuklah ada antara mereka terpaksa meninggalkan anak atau pasangan di kampung atau berjauhan dengan tempat kerja. Keadaan ini sudah tentu menambah beban kos perjalanan dan penyelenggaraan kenderaan kepada penjawat awam. Menyedari permasalahan ini Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah banyak membantu penjawat awam untuk bertukar dan diberi

“Kehidupan di kawasan bandar dan pinggir bandar yang serba-serbi memerlukan wang, ditambah pula dengan peningkatan inflasi yang meruncing memburukkan lagi taraf hidup penjawat awam, terutamanya kumpulan pelaksana yang rata-ratanya berada di bawah kategori B40.”

penempatan yang lebih dekat dengan tempat tinggal dan keluarga.

Pada masa yang sama, penjawat awam merupakan jentera kerajaan yang memainkan peranan besar dalam usaha melaksanakan setiap dasar kerajaan. Oleh itu, dalam menangani isu peningkatan kos sara hidup, sudah tentu penjawat awam menjadi aktor utama sama ada sebagai penyampai perkhidmatan kerajaan mahupun sebagai penerima manfaatnya.

Apatah lagi kapasiti penjawat awam yang berjumlah hampir 1.6 juta kakitangan menjadikan kerajaan sebagai majikan terbesar di negara ini. Maka itu, wajarlah kerajaan mempertimbangkan permintaan penjawat awam termasuklah berkaitan cadangan kenaikan gaji. Manakala pekerja dalam sektor swasta mahupun mereka yang bekerja sendiri sepatutnya tidak mempertikaikan sebarang usaha kerajaan untuk menambahbaikkan struktur pendapatan kakitangannya.

Penganalisis ekonomi turut mencadangkan supaya kenaikan gaji dimulakan di sektor awam sebelum diikuti oleh sektor swasta. Pandangan ini bersandarkan pada ekosistem ekonomi Malaysia, iaitu setiap dasar kepada sektor awam akan dituruti oleh sektor swasta. Oleh itu, dengan peningkatan gaji dalam sektor awam akan memberikan tekanan untuk sektor swasta turut mengambil tindakan serupa.

Penetapan gaji minimum misalnya antara lain adalah bertujuan untuk menyeimbangkan gaji pekerja di sektor swasta dan awam berikutan banyak pekerja sektor swasta memperoleh pendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) nasional.

Seterusnya kekecewaan Kongres Kesatuan Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yang mendakwa Belanjawan 2023 tidak mampu menyelesaikan masalah tekanan kos sara hidup dihadapi oleh penjawat awam sudah boleh diredakan apabila Perdana Menteri menyatakan komitmen untuk menilai dan mengkaji gaji penjawat awam. Situasi gaji penjawat awam yang tidak memuaskan khususnya di peringkat rendah



Penetapan gaji minimum antara tujuan lainnya adalah untuk menyeimbangkan gaji pekerja di sektor awam dan swasta.

diakui sendiri Perdana Menteri semasa Majlis Sambutan Hari Pekerja 2023.

Pandangan popular yang mudah dihadamkan oleh rakyat ialah isu kos sara hidup tidak dapat diselesaikan melainkan gaji dinaikkan seiring dengan kadar inflasi. Walau bagaimanapun kerajaan perlu berhati-hati dan menilai dengan lebih terperinci kesan kenaikan gaji kepada peningkatan kos sara hidup. Hal ini demikian kerana kenaikan harga barangan berkadar terus dengan kenaikan gaji akibat daripada penawaran dan permintaan yang tidak seimbang.

Menyedari situasi tersebut, kerajaan boleh menawarkan penambahbaikan dalam bentuk lain, contohnya menyediakan kemudahan sosial yang berkualiti dan lebih murah atau percuma demi memastikan penjawat awam dapat bertahan dalam gelombang peningkatan kos sara hidup. Antara usaha yang boleh diambil termasuklah meningkatkan operasi dan kapasiti klinik kesihatan sebagai alternatif kepada klinik swasta yang berbayar, menyediakan subsidi yuran pengajian, bantuan pendidikan dan memperluas bantuan kebajikan.

Pendekatan kerajaan Hong Kong mendepani masalah kos sara hidup boleh dijadikan tauladan dengan pelaksanaan pelbagai dasar sosial yang membantu pekerja termasuk inisiatif bekerja dari rumah (BDR). Inisiatif ini terbukti dapat mengurangkan kos seharian penjawat awam. Kerajaan Hong Kong juga memfokuskan usaha membantu pegawai muda berbanding dengan menaikkan gaji pegawai senior.

Selain itu kerajaan juga perlu kreatif dalam pemberian insentif kepada penjawat awam. Belgium contohnya memberikan elaun kepada pekerja yang berbasikal termasuklah basikal elektrik dan *speed pedelec* ke tempat kerja mulai 2 Mei 2023. Penjawat awam di negara tersebut juga diberi kebenaran untuk membuat kerja sampingan untuk menambah pendapatan terutamanya dalam gig ekonomi.

Tahun 2023 bolehlah diistilahkan sebagai tahun yang mencabar. Negara sedang pulih daripada krisis kesihatan COVID-19 dan kini terus bergelut dengan krisis ekonomi. Kerajaan juga mempunyai keupayaan terbatas untuk mengawal kadar inflasi melalui instrumen subsidi. Sehubungan dengan itu, rakyat khususnya penjawat awam harus lebih bersabar dan memberikan peluang kepada kerajaan perpaduan meneroka strategi ampuh untuk menangani isi kos sara hidup.

Penjawat awam di mana-mana negara boleh memilih untuk turun ke jalan raya berdemonstrasi dengan menuntut kenaikan gaji sepertimana dilakukan oleh penjawat awam di United Kingdom baru-baru ini. Namun demikian, penjawat awam di negara ini masih memilih untuk bersikap rasional dan mengambil ibrah atas musibah yang berlaku di Sri Lanka, Sudan dan Ukraine. □

Penulis berkelulusan Sarjana Sains Sosial (Sains Politik), Universiti Kebangsaan Malaysia.